

MISI SELAMATKAN HUTAN SELURUH DUNIA

SERAMAI 150 siswazah dalam dan luar negara berkumpul di Persidangan Antarabangsa Siswazah Perhutanan Kali Pertama 2013 (FORGRAD2013) di Universiti Putra Malaysia, dengan membawa misi menyelamatkan khazanah dunia, iaitu hutan.

Program tiga hari itu menemukan siswazah perhutanan dari pelusok dunia untuk membentangkan kajian dan bertukar pendapat.

Pengarah FORGRAD2013, Dr Daljit Singh Karam

Singh berkata, persidangan diharap dapat membina kesepakatan di antara semua peserta dalam menjadikan pembangunan manusia sejagat seiring dengan pengendalian sumber alam semula jadi.

Selain persidangan, aktiviti lain yang dijalankan adalah pembentangan kertas kerja dan poster serta aktiviti pasca persidangan yang melibatkan lawatan ke tempat yang ditetapkan seperti Batu Caves dan Taman Negara Sungai Relau, Pahang, kata Dr Daljit.